

**PERATURAN**  
**MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

**BAHAGIAN I**

**PENDAHULUAN**

**Nama dan Pemakaian**

1. Peraturan ini dinamakan Peraturan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan.
2. Peraturan ini hendaklah hanya terpakai bagi Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

**Tafsiran**

3. Dalam peraturan ini tafsiran yang digunakan adalah seperti berikut: “Majlis” ertinya Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan;

“Urus Setia” ertinya Urus Setia Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan

“Jawatankuasa Induk” ertinya Jawatankuasa Induk Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan; dan

“Penganjur” ertinya agensi yang menguruskan penganjuran Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.

“Jemaah Hakim” ertinya anggota-anggota yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk untuk menghakimi Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan.

**BAHAGIAN II**

## **Pelaksanaan Majlis**

### **Anjuran dan Kelolaan**

4. Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. Pelaksanaannya dikelolakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Induk Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan.

### **Pelantikan Jawatankuasa Kecil**

5. Jawatankuasa Induk berhak menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya bagi tujuan membantu pelaksanaan majlis.

### **Tarikh Majlis Diadakan**

6. Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan hendaklah diadakan pada satu tarikh yang ditetapkan oleh penganjur.

### **Kategori Penganjuran**

7. Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

- (a) Kategori Pertama : 1 hingga 10 juzuk dan tarannum  
(lelaki dan perempuan);
- (b) Kategori Kedua : 1 hingga 20 juzuk  
(lelaki dan perempuan); dan
- (c) Kategori Ketiga : 1 hingga 30 juzuk dan tafsir  
(lelaki dan perempuan).

### **Pembahagian Hadiah**

8. Hadiah kepada peserta diberikan mengikut kategori, lelaki dan perempuan.
9. Hadiah-hadiah wang tunai beserta hadiah-hadiah iringan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga bagi setiap kategori.
10. Setiap peserta yang tidak mendapat hadiah utama seperti di para "9" akan diberikan hadiah sagu hati.
11. Setiap peserta yang mengambil bahagian akan diberikan hadiah cenderahati dan sijil penyertaan.
12. Bentuk hadiah kepada pemenang dan peserta yang mengambil bahagian ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk.

### **BAHAGIAN III**

#### **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

##### **Kategori Pertama : 1 hingga 10 Juzuk dan Tarannum**

13. Peserta Kategori Pertama hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.

14. Seseorang peserta yang pernah mendapat Johan Kategori Pertama atau pernah mengambil bahagian dalam kategori yang lebih tinggi adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini pada tahun-tahun berikutnya. Sekiranya tidak mendapat Johan, dia dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini hanya setakat tiga kali sahaja, tetapi dibenarkan mengambil bahagian bagi kategori yang lebih tinggi.

##### **Kategori Kedua : 1 hingga 20 Juzuk**

15. Peserta Kategori Kedua hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.

16. Peserta Kategori Kedua hendaklah belum pernah mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga pada tahun-tahun sebelumnya.

17. Peserta Kategori Kedua hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini sebanyak tiga kali sahaja (berturut-turut atau berselang) sama ada pernah mendapat Johan atau tidak, tetapi dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga.

### **Kategori Ketiga : 1 hingga 30 Juzuk dan Tafsir**

18. Peserta Kategori Ketiga hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.

19. Setiap peserta dalam Kategori Ketiga hanya dibenarkan menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan sebanyak tiga kali sahaja dan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Pertama dan Kedua.

20. Peserta yang telah menjadi Johan Kategori Ketiga tidak dibenarkan menyandang Johan melebihi 2 kali.

### **Syarat-syarat Umum**

21. Semua peserta hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia yang beragama Islam.

22. Setiap Institusi boleh mengemukakan hanya 5 orang hafiz sahaja untuk mengambil ujian tahap pertama, manakala hafizah dan lain-lain tahap adalah terbuka **Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran negeri yang diwakilnya berdasarkan sijil kelahiran/kad pengenalan.** Bagi pemastautin, **peserta hendaklah bermastautin di negeri yang dia wakili sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum majlis diadakan.** Kelayakan peserta bermastautin **hendaklah mengikut alamat terakhir yang tercatat dalam kad pengenalan atau kad tukar alamat.** Bagi kakitangan kerajaan atau swasta hendaklah mendapat **pengesahan daripada majikan,** manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada **ketua institusi pengajian berkenaan.**

23. Peserta yang menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri melebihi satu negeri dalam tahun yang sama tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri pada tahun berkenaan. Jika ia dapat dikesan maka **penyertaannya terbatal.**

24. Seseorang peserta yang telah berpindah ke negeri lain atau menyambung pengajian di pusat-pusat pengajian **boleh mewakili negeri asalnya berdasarkan sijil kelahiran / kad pengenalan**. Bagi kakitangan kerajaan atau swasta **hendaklah mendapat pengesahan daripada majikan**, manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada **ketua institusi pengajian berkenaan**.

25. Peserta perempuan yang menyertai Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan hendaklah dalam keadaan tidak uzur syar`i semasa ujian hafazan dijalankan ke atasnya. Peserta yang uzur boleh diganti dengan peserta simpanan.

26. Setiap peserta lelaki hendaklah memakai Pakaian Kebangsaan yang lengkap dan kemas (bersongkok, bersamping, berbutang baju, berkasut dan bersarung kaki) semasa majlis berlangsung khususnya ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan, dan Majlis Penutup dan Pengurniaan Hadiah.

27. Setiap peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang sesuai (menutup aurat) dan tidak dibenarkan menutup muka ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan, dan Majlis Penutup dan Pengurniaan Hadiah.

28. Setiap peserta hendaklah **mengisi borang penyertaan dengan lengkap** dan menyerahkan kepada urus setia (melalui Unit Pengurusan Majlis Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan) berserta **satu salinan sijil kelahiran / kad pengenalan, salinan buku akaun, 2 keping gambar ukuran pasport dan kad tukar alamat atau pengesahan majikan / ketua institusi pengajian yang mana berkaitan**.

29. Peserta yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas maka **penyertaannya terbatal**.

## **BAHAGIAN IV**

### **PERUJIAN DAN PENGHAKIMAN**

### **Bentuk Perujian**

30. Setiap peserta diuji hafazan al-Quran melalui beberapa potongan ayat daripada juzuk-juzuk yang ditetapkan. Peserta dikehendaki mempersembahkan bacaan hafazannya mengikut arahan hakim *fatih* dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan mengambil kira kelancaran hafazan, hukum tajwid, fasahah, suara, persembahan dan tarannum.

### **Pilihan dan Penentuan Ayat**

31. Setiap peserta dikehendaki membuat undian bagi menentukan ayat-ayat soalan yang akan dikemukakan kepadanya.

32. Setiap peserta tidak mengetahui ayat-ayat yang dipilihnya melainkan setelah ayat-ayat itu dikemukakan kepadanya oleh Hakim *Fatih*.

33. Peserta yang gagal menjawab dengan sempurna atau banyak melakukan kesalahan dalam bacaan boleh diminta menamatkan bacaan oleh Hakim *Fatih*.

34. Setiap peserta dikehendaki membaca secara hafazan ayat-ayat yang telah diundi berpandukan arahan Hakim *Fatih* dan Hakim *Munabbih*.

35. Peserta yang melakukan kesilapan bacaan yang nyata (jali) ditegur oleh Hakim *Munabbih*.

36. Peserta yang gagal menjawab semua soalan yang dikemukakan boleh diminta oleh Hakim *Fatih* untuk membaca mana-mana ayat yang dihafaznya, tetapi bacaannya itu tidak diberi markah.

### **Cara Mengemukakan Ayat dan Masa Bacaan**

37. Hakim *Fatih* akan mengemukakan soalan dan peserta dikehendaki memulakan bacaan mengikut arahan Hakim *Fatih*. Tempoh masa ujian ialah seperti berikut:

(a) Kategori Pertama:

2 soalan hafazan dan 1 soalan tarannum (tidak kurang 2 lagu) (setiap soalan hafazan 2 minit dan soalan tarannum 4 minit);

(b) Kategori Kedua:

4 soalan hafazan (setiap soalan 2 minit); dan

(c) Kategori Ketiga:

5 soalan hafazan (setiap soalan 2 minit) dan 2 soalan tafsir.

38. Hakim *Fatih* boleh menamatkan bacaan ujian pada bila-bila masa sahaja jika difikirkan perlu.

### **Jenis dan Cara Bacaan**

39. Peserta hendaklah membaca riwayat Hafs „an Asim (Tariq Shatibi), tetapi bagi peserta yang ingin membaca selain daripada riwayat tersebut, maka hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada urus setia.

40. Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara *tadwir* sahaja, manakala bagi soalan tarannum peserta dikehendaki mempersembahkan bacaan secara *tahqiq*.

41. Peserta dikehendaki membawa sekurang-kurangnya dua lagu daripada lagu asas dalam keseluruhan hafazannya.

### **Penentuan Bilangan Peserta Pada Setiap Sesi**

42. Jawatankuasa Induk berhak menentukan bilangan peserta yang membaca pada setiap sesi.

43. Penetapan tarikh, sesi dan giliran persembahan peserta dibuat secara undian oleh urus setia.

### **Jemaah Hakim**

44. Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan dihakimi oleh anggota Jemaah Hakim seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi dilantik oleh YB Dato` Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan, selaku Pengerusi Induk Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan; dan
- (b) Seorang Timbalan Pengerusi, Seorang Setiausaha dan sekurang- kurangnya 14 orang Ahli Jemaah Hakim yang lain yang dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim.
- (c) Senarai tugas dan jumlah hakim bagi setiap bidang adalah seperti berikut:
  - (i) Dua orang Hakim Fatih;
  - (ii) Dua orang Hakim Munabbih;
  - (iii) Dua orang Hakim Hafaz dan Lancar;
  - (iv) Dua orang Hakim Tajwid;
  - (v) Dua orang Hakim Fasahah;
  - (vi) Dua orang Hakim Suara dan Persembahan; dan
  - (vii) Dua orang hakim Tarannum
- (d) Kriteria Pelantikan Hakim:
  - (i) Hafaz seluruh al-Quran;
  - (ii) Mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu al-Quran dan al- Qiraat;
  - (iii) Sentiasa mengekalkan hafazan al-Quran dalam kehidupan harian;
  - (iv) Memiliki etika *Hamalat al-Quran* yang tinggi dan beradab;
  - (v) Mahir dalam bidang suara dan taranum bagi hakim berkenaan; dan
  - (vi) Taqwa, Adil dan Amanah.
- (e) Tempoh Pelantikan Hakim;

Pelantikan seseorang hakim Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan dibuat setiap tahun iaitu sekurang-kurangnya dalam tempoh sebulan sebelum program berlangsung.

### **Urus Setia Jemaah Hakim**



45. Jemaah Hakim dibantu oleh:

- (a) Dua orang Jurukira;
- (b) Dua orang Penjaga Masa; dan
- (c) Dua orang petugas mengedat, mengumpul dan menyusun borang permarkahan.

Semua Petugas berkenaan dilantik oleh urus setia induk atas persetujuan pengerusi Jemaah Hakim.

Keseluruhan penjumlahan markah boleh diaudit oleh juru audit yang dilantik oleh urus setia atas persetujuan pengerusi Jemaah Hakim.

### **Tugas Pengerusi Jemaah Hakim**

46. Pengerusi Jemaah Hakim bertanggungjawab mengatur dan mentadbir cara penghakiman yang lengkap dengan memastikan ia dijalankan dengan penuh amanah, adil dan rahsia. Di samping itu beliau bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara seperti berikut, iaitu:

- (a) Memastikan soalan ayat-ayat dan borang permarkahan disediakan;
- (b) Memastikan penentuan tarikh, sesi, giliran dan soalan ayat-ayat peserta membaca diadakan secara undi;
- (c) Sentiasa berada di tempat penghakiman bagi memantau dan mengawasi tugas penghakiman
- (d) Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim, iaitu sebelum dan selepas majlis;
- (e) Menetapkan tugas-tugas hakim mengikut bidang yang dihakimkan oleh mereka;
- (f) Menilai, mengesahkan dan menandatangani keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh setiap ahli jemaah hakim;
- (g) Mengisytiharkan keputusan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Kelantan;

- (h) Melantik beberapa orang pegawai petugas urus setia Jemaah Hakim bagi membantu kerja-kerja berkaitan Jawatankuasa Kehakiman; dan
- (i) Pengerusi boleh menurut budi bicaranya membuat apa-apa pindaan terhadap mana-mana keputusan sekiranya difikirkan patut dan perlu.

### **Tugas Hakim**

47. Tugas-tugas hakim seperti berikut:

- (a) Setiap hakim hendaklah menghakimi bacaan peserta mengikut bidang-bidang yang ditetapkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim.
- (b) Setiap hakim dikehendaki menghakimi dengan adil, amanah dan bertanggungjawab; dan
- (c) Merahsiakan pemarkahan dan keputusan.

### **Kaedah Penghakiman**

48. Pada menjalankan tugas penghakiman, Jemaah Hakim hendaklah mengadakan satu kaedah penghakiman yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) Bahagian-bahagian penghakiman (rujuk para 45(c) dan 48);
- (b) Kaedah perujian, penilaian dan pemotongan markah;
- (c) Perkara-perkara yang diberi perhatian dalam bidang-bidang penghakiman, iaitu Hafaz dan Lancar, Tajwid, Fasahah, Suara, Persembahan dan Tarannum;
- (d) Kaedah permarkahan (sila rujuk wajaran pemarkahan di Jadual 1) termasuk borang permarkahan; dan
- (e) Penentuan pemenang yang berkualiti.

49. Jemaah Hakim boleh memberikan nasihat dan pandangan mengenai kaedah penghakiman dan permarkahan dari masa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan kaedah berkenaan.

### **Rayuan dan Bantahan**

50. Sebarang rayuan dan bantahan boleh dikemukakan kepada pihak urus setia pada hari pertama Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Saringan Negeri Kelantan dengan tempoh masa yang ditetapkan oleh urus setia. Sebarang rayuan dan bantahan selepas tempoh masa yang ditetapkan adalah tidak diterima.

## **BAHAGIAN V**

### **PENENTUAN PEMENANG**

51. Kelayakan minimum untuk menentukan peserta Johan atau Naib Johan dan Tempat Ketiga adalah berlandaskan kepada markah yang tertinggi dalam setiap kategori seperti berikut:

<b>i.</b>	<b>Johan</b>	<b>-</b>	<b>90 markah keatas</b>
<b>ii.</b>	<b>Naib Johan</b>	<b>-</b>	<b>80 markah keatas</b>
<b>iii.</b>	<b>Ketiga</b>	<b>-</b>	<b>70 markah keatas</b>

52. Peserta yang tidak mencapai markah di atas tidak layak menyandang gelaran tersebut (Johan / Naib Johan / Ketiga) dan hanya layak mendapat saguhati penyertaan.

53. Pemenang yang mendapat markah yang sama akan dirujuk kepada markah Hafazan dan Lancar, Tajwid, Fasahah, Suara / Persembahan dan Lagu dan sekiranya markah masih sama akan diputuskan oleh Jemaah Hakim.

54. KEPUTUSAN JEMAAH HAKIM ADALAH MUKTAMAD.

## **PENUTUP**

**Kuasa Jawatankuasa Induk**

55. Jawatankuasa Induk berkuasa membuat sebarang keputusan yang difikirkan wajar bagi perkara-perkara yang tercatat atau tidak tercatat dalam peraturan ini. Keputusan itu adalah muktamad.

56. Setiap peserta dikehendaki mematuhi Peraturan Majlis Menghafaz al- Quran Peringkat Negeri Kelantan dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan oleh urus setia dari semasa ke semasa. Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan peserta yang melanggar peraturan ini.

### **Tarikh Kuatkuasa**

57. Peraturan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018.

### **JADUAL 1: WAJARAN PEMARKAHAN**

<b>BIL.</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>TAHAP 1</b>	<b>SOALAN TARANNUM KHAS</b>	<b>TAHAP 2</b>	
-------------	-----------------	----------------	---------------------------------	----------------	--

			(TAHAP 1)		TAHAP 3 BESERTA TAFSIR (%)
1.	Hafaz dan Lancar	50	40	50	45
2.	Tajwid	20	20	20	20
3.	Fasohah	15	15	15	15
4.	Suara/ Persembahan	10	10	10	10
5.	Tarannum	5	15	5	5
6.	Tafsir	-	-	-	5
	<b>JUMLAH</b>	100	100	100	100

### JADUAL 2: PEMOTONGAN MARKAH

#### BIDANG HAFAZ DAN LANCAR

BIL	KESALAHAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	Gagal setiap soalan	50	25	20
2.	Gagal $\frac{3}{4}$ setiap soalan	37.5	18.75	15
3.	Gagal $\frac{1}{2}$ setiap soalan	25	12.5	10
4.	Gagal setiap $\frac{1}{4}$ soalan	12.5	6.25	5
5.	Tertinggal atau terlangkau ayat	2	2	2
6.	Terlupa ayat	1	1	1
7.	Tertinggal atau menambah huruf / kalimah	1	1	1
8.	Berulang-ulang / terhenti-henti / teragak-agak	1	1	1

#### BIDANG TAJWID

BIL.	KESALAHAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	Gagal setiap soalan	50	25	20
2.	Gagal $\frac{3}{4}$ setiap soalan	37.5	18.75	15
3.	Gagal $\frac{1}{2}$ setiap soalan	25	12.5	10
4.	Gagal $\frac{1}{4}$ setiap soalan	12.5	6.25	5
5.	Kesalahan setiap Hukum Mim/Nun Sakinah dan Tanwim	1	1	1
6	Kesalahan Hukum Idgham	1	1	1
7.	Kesalahan Hukum Mad	1	1	1
8.	Kesalahan Tafkhim/Taghliz dan Tarqiq	1	1	1
9.	Lain-lain kesalahan	1	1	1

### **BIDANG FASOHAH**

BIL.	KESALAHAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	Gagal setiap soalan	50	25	20
2.	Gagal $\frac{3}{4}$ setiap soalan	37.5	18.75	15
3.	Gagal $\frac{1}{2}$ setiap soalan	25	12.5	10
4.	Gagal $\frac{1}{4}$ setiap soalan	12.5	6.25	5
5.	Kesalahan Ibtida`	1	1	1
6	Kesalahan Waqaf	1	1	1
7.	Kesalahan Baris	1	1	1
8.	Kesalahan Tasdid	1	1	1
9.	Kesalahan Makhraj dan Sifat Huruf	1	1	1

### **BIDANG TARANNUM**

BIL.	KESALAHAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	Gagal setiap soal	50	25	20
2.	Gagal $\frac{3}{4}$ setiap soal	37.5	18.75	15
3.	Gagal $\frac{1}{2}$ setiap soal	25	12.5	10
4.	Gagal $\frac{1}{4}$ setiap soal	12.5	6.25	5
5.	Kurang dari dua lagu daripada lagu dasar	1	1	1
6.	Tarannum bercampur/tidak menarik dalam setiap soal	1	1	1
7.	Lagu sumbang dalam setiap soal	1	1	1
8.	Tarannum tidak berirama Arab	1	1	1

#### **BIDANG SUARA PERSEMBAHAN**

BIL.	KESALAHAN	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	Gagal setiap soal	50	25	20
2.	Gagal $\frac{3}{4}$ setiap soal	37.5	18.75	15
3.	Gagal $\frac{1}{2}$ setiap soal	25	12.5	10
4.	Gagal $\frac{1}{4}$ setiap soal	12.5	6.25	5
5.	Bercampur bacaan Tadwir dengan Tartil/Hadr dalam setiap soal	2	2	2
6.	Tidak membaca cara Tadwir dalam setiap soal	2	2	2
7.	Suara serak/pecah/tersepit	1	1	1
8.	Suara tidak menarik/tidak jelas/terputus-putus	1	1	1
9.	Tidak berlahjah Arab	1	1	1+